

21/06/1999

Perwakilan sudah tahu siapa musuh parti

Kamal Ahmad

SESUNGGUHNYA tidak ada strategi terbaik untuk menghadapi pembangkang dan memenangi pilihan raya kecuali ucapan dasar Presiden dan ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggulung perbahasan pada akhir Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Yang pasti, perwakilan dan pemerhati juga sudah mendapat jawapan bagi setiap masalah yang dibangkitkan sepanjang tiga hari Perhimpunan Agung Umno berlangsung di Dewan Merdeka. Ucapan ketika penggulungan perbahasan pada akhir perhimpunan semalam cukup besar ertinya dan memberi status perhimpunan itu sebagai berjaya 'mencipta' senjata paling berkesan untuk bertindak balas terhadap dakwah Pas, kekeliruan isu serta memperkukuhkan perpaduan parti.

Selain mendedahkan siapa Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno turut menyenaraikan 19 perkara yang membezakan Umno dengan Pas. Fakta itu menunjukkan Pas sebuah parti yang penuh dengan usaha menghancurkan agama, bangsa dan negara sedangkan Umno mendukung perpaduan, menunaikan fardu ain dan kifayah serta terus berjuang memartabatkan Melayu.

"Ini menunjukkan Pas tidak berpegang kepada Islam. Yang berpegang kepada agama Islam ialah Umno. Sebab itu kita jangan takut dengan Pas. Kita berjuang kerana kebenaran," kata Dr Mahathir yang turut mengakui semangat perwakilan cukup tinggi.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula menegaskan, kini sampai masa ahli Umno kembali ke akar umbi untuk bekerja dan bergerak memastikan kemenangan parti dan Barisan Nasional dalam pilihan raya dengan jumlah besar dan mendapat majoriti dua pertiga. Beliau mahu jentera parti diperkemaskan lagi, ceramah diadakan secara besar-besaran dan penjelasan dari pucuk pimpinan disampaikan ke akar umbi sejelas-jelasnya.

Rakyat juga harus mengakui nasihat beliau bahawa keselamatan dan keamanan adalah nikmat paling besar dalam negara ini kerana suasana ini mengizinkan setiap rakyat melakukan urusan masing-masing dengan bebas.

Datuk Seri Najib Razak, pula memberi bukti bagaimana Umno membawa perubahan besar menerusi Dasar Pendidikan Negara yang ditunjangi Umno mencapai kejayaan yang sangat cemerlang. Dasar Umno itu berjaya melahirkan berpuluh ribu pakar, profesional, dan tenaga mahir yang sangat besar daripada orang Melayu.

"Tugas kita belum selesai. Kita kembali dan semak daftar pengundi kerana angkara parti lawan yang memindahkan pengundi kita dan membawa masuk pengundi mereka," katanya.

Tun Daim Zainuddin turut menjelaskan siapakah sebenarnya Tabung Mata wang Antarabangsa (IMF). Di Thailand, katanya, IMF bagi rakyat Thailand ialah I'm finish, di Indonesia bekas Presiden Suharto berkata I'm foolish tetapi di Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata I'm fine tetapi malangnya ada segelintir ahli parti yang berkata I'm following.

Walau secara berjenaka, Daim tetap mahu rakyat sentiasa waspada anasir asing yang mahu mengambil kesempatan menggugat negara.

IMF, kata Bendahari Umno itu, bersikap 'nak naik, nak tengok, suruh buka dan nak masuk'. Syarat IMF bagi membantu program pemulihan ekonomi itu dilihat sebagai cara untuk menjajah semula negara ini.

"Jaga-jaga golongan yang tak suka tengok kita berjaya. Namun ia dapat ditangkis apabila Umno dan rakyat bersatu padu," katanya sambil menegaskan rakyat dan Umno sama sekali tidak gentar walaupun ada 1,000 Al Gore berada

di Dewan Merdeka. Beliau sifatkan Naib Presiden Amerika itu cowboy yang sememangnya tidak berbudi bahasa.

Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, pula menegaskan Pas adalah golongan yang tidak memerangi kemiskinan. Katanya mereka adalah ahli agama tetapi tidak merancang untuk masa depan rakyat. Sehubungan itu rakyat perlu sentiasa memupuk budaya syukur kerana ia akan menjadi pengimbang kepada kemajuan.

Semua ini adalah antara senjata yang diberi oleh Presiden dan ahli ketika mereka menggulung perbahasan untuk dibawa pulang oleh perwakilan dan pemerhati ke cawangan masing-masing.

Kini yang lebih bermakna, perwakilan semakin jelas siapakah musuh parti, bangsa dan negara. Mereka semakin menginsafi nasib dan masa depan diri, keluarga, bangsa serta negaranya banyak bergantung kepada Umno. Memahami muslihat musuh luar yang menggunakan gerombolan kapitalis, spekulator mata wang dan boneka anak watan, maka ahli Umno serta rakyat keseluruhan tidak ada pilihan lain kecuali terus menyusun dan memantapkan barisan. Ruang walau seluas lubang jarum tidak boleh dibuka kerana musuh sentiasa menunggu peluang untuk menyusup dan menggugat kestabilan negara.

Seramai 2,034 perwakilan perhimpunan agung serta masing-masing hampir 600 perwakilan dalam perhimpunan Pemuda dan Wanita kini adalah orang yang paling berat memikul tanggungjawab untuk menyampaikan apa jua maklumat, bahan rujukan dan mesej perhimpunan ke akar umbi.

Namun ada cakap-cakap kenapa tidak ada perwakilan yang menegur atau menghentam barisan kepemimpinan MT. Jawapannya, antara lain ialah perwakilan semakin matang dan insaf bahawa membuka tembelang sendiri dalam Dewan Putra ini akan menjadi bahan pembangkang untuk menghentam semula Umno. Ini kerana jelas, apa saja yang berlaku dalam dewan itu akan memberi kesan besar kepada Umno sama ada ia baik atau buruk.

(END)